

# Sentiasa sedia dengan ledakan sains

SAINS merupakan bidang yang sangat luas untuk diteroka. Sejak sekian lama, sains telah diaplikasikan ke dalam kehidupan seharian manusia sehingga membantu mengembangkan sesebuah ketamadunan.

Menurut **Pensyarah Jabatan Kenegaraan dan Ketamadunan, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, Prof. Dr. Zaid Ahmad**, peradaban manusia yang semakin dinamik berkait rapat dengan revolusi dalam perkembangan sains.

“Ketamadun manusia yang semakin berkembang itu diterjemah hasil daripada inovasi manusia terdahulu menerusi sains dan



**ZAID**

teknologi.

“Oleh yang demikian, literasi dalam bidang sains dan teknologi itu merupakan perkara penting yang perlu bergerak seiringan dengan kemajuan sesuatu peradaban.

“Semua pihak perlu memperkasa ilmu berkaitan sains khususnya gelombang teknologi baharu dan tidak seharusnya mewujudkan pemisah antara sains dengan kehidupan,” ujarnya ketika dihubungi *Kosmo!* baru-baru ini.

Tambah Zaid, ibu bapa wajar memainkan peranan mereka dengan memupuk literasi sains dalam diri generasi muda dari peringkat akar

umbi lagi:

Hal ini kerana perkembangan dalam revolusi sains tidak memberi pilihan kepada manusia selain terpaksa berhadapan dengan ledakan gelombang baharu.

Katanya, kegagalan menguasai sesuatu ilmu sains itu bukan sahaja menjadikan masyarakat ketinggalan dari segi intelektual malah mengundang risiko menjadi mangsa kepada jenayah berteknologi tinggi.

“Bidang sains akan terus berkembang menyaksikan pelbagai penemuan-penemuan baharu.

“Justeru, masyarakat kita perlu sentiasa bersedia untuk berhadapan dengan ledakan sains dan teknologi,” jelasnya.